

Suhakam lawat Johor hari ini

UM 16 APR 2001

KUALA LUMPUR 15 April — Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) akan melawat Johor dua hari mulai esok untuk siri pertemuan dengan rakyat bagi memberi pendedahan dan mendapat maklum balas berhubung isu hak asasi manusia.

Pengerusinya, Tan Sri Musa Hitam berkata, pihaknya akan mengadakan perjumpaan dengan pegawai kersjaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) esok diikuti parti komponen Barisan Nasional (BN) dan pembangkang pada hari berikutnya.

“Ia memberi kita peluang menjelas dan menerangkan tentang Suhakam. Diharap, Suhakam bukan sahaja akan lebih dikenali tetapi diterima sebagai satu institusi yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan dan rakyat jelata untuk mengawasi dan mengekalkan budaya hak asasi manusia,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui di pertandingan akhir Piala Perdana Siri 2001 di padang polo Bukit Kiara Equestrian & Country Resort di sini hari ini. Hadiah disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Musa, lawatan bagi memperkenalkan Suhakam kepada rakyat telah dilakukan di Sabah, Sarawak dan Kedah. Siri lawatan itu akan diteruskan ke setiap negeri dengan Pahang dijadualkan bulan depan.

Mengulas mengenai laporan pertama Suhakam yang akan dibawa ke Dewan Rakyat pada 19 April ini, beliau berkata, sebenarnya ia mengandungi laporan daripada tarikh suruhanjaya itu mula bermesyuarat 24 April hingga 31 Disember tahun lalu.

“Laporan berhubung demonstrasi dan siasatan keadilan di Jalan Kebun, Klang 5 November lalu belum dimasukkan dalam laporan kita,” katanya.

Beliau mengakui kebenaran pada kenyataan Pesuruhjaya Suhakam, Profesor Hamdan Adnan mengenai laporan pertama yang merumuskan rekod hak asasi negara adalah baik, termasuk hak berpolitik dan sivil.